



قجابت ستياوسها كراجاءن قهث

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
WISMA SRI PAHANG
25503 KUANTAN

Tel : 09-5126600 (AM) / 09-5126700 (BPEN)

Faks : 09-5134742 (AM) / 09-5156327 (BPEN)

<https://www.pahang.gov.my>



#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : **SUKPHG-1.100-9/1/9 JLD.8 (55)**

Tarikh : **24 Oktober 2024**

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato' Sri/YB Dato' Indera/Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr./YAA Dato'/
YH Dato'/Tuan/ Puan,

ARAHAN PELAKSANAAN NYANYIAN LAGU NEGARAKU DAN LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA DI SEMUA KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YB Dato' Sri/YB Dato' Indera/Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr./YAA Dato'/YH Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, antara penekanan dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam adalah penghayatan nilai dan tatakelola yang perlu dihayati dan didukung oleh semua penjawat awam bagi menzahirkan semangat patriotisme dan taat setia kepada negara.

3. Sehubungan itu, dilampirkan Surat Arahan Pelaksanaan Nyanyian Lagu Negaraku Dan Lafaz Ikrar Rukun Negara di semua Kementerian dan Agensi Kerajaan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar.

4. Bersama-sama ini juga dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Nyanyian Lagu Kebangsaan (Negaraku) dan Lafaz Penuh Ikrar Rukun Negara.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Sri/YB Dato' Indera/Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr./YAA Dato'/YH Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ Mudah, Cepat, Telus ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

(SULAIMAN BIN HUSIN)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

☎ 09-5165963 ☎ 09-5149503 ✉ sulaimanhusin@pahang.gov.my

SENARAI EDARAN:

PEJ SUK PAHANG

1. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
Tingkat 4, Wisma Sri Pahang
2. Ketua Penolong Setiausaha
Unit Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
3. Ketua Audit Dalam
Unit Audit Dalam
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kerajaan Tempatan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
6. Ketua Penolong Setiausaha
Unit Integriti
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
7. Ketua Penolong Setiausaha
Badan Kawal Selia Air
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
9. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
10. Setiausaha Sulit Kanan
Pejabat Menteri Besar
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
11. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

12. Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Istiadat Dan Pengurusan Majlis Rasmi
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
13. Pengarah
Majlis Sukan Pahang
Kompleks SUKPA, Bandar Indera Mahkota
25200 KUANTAN
14. Bahagian Perumahan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

JABATAN NEGERI

1. Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang
Jabatan Mufti Negeri Pahang
Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah
Jalan Istana Permai
26600 PEKAN
2. YAA Ketua Hakim Syarie Pahang
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang
Kompleks Syariah Al-Sultan Abdullah
Indera Mahkota
25200 KUANTAN
3. YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang
Pejabat Kewangan dan Perbendaraan Negeri Pahang
Tingkat 6, Wisma Sri Pahang
25503 KUANTAN
4. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang
Pejabat Tanah dan Galian Pahang
Bangunan PTG, Bandar Indera Mahkota
25990 KUANTAN
5. Pengarah
Jabatan Agama Islam Pahang
Jalan Masjid
26600 PEKAN
6. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
Tingkat 9-12, Kompleks Tun Razak
Bandar Indera Mahkota
25990 KUANTAN
7. Pengarah
PLANMalaysia@Pahang
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang)
Tingkat 4, Kompleks Tun Razak
Bandar Indera Mahkota
25990 KUANTAN
8. Pengarah Perhutanan Negeri
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
Tingkat 5, Kompleks Tun Razak
Bandar Indera Mahkota
25990 KUANTAN

9. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang
Tingkat 8, Kompleks Tun Razak (KOMTUR)
Bandar Indera Mahkota
25626 KUANTAN
10. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Pahang
Tingkat 6 & 7, Kompleks Tun Razak
Bandar Indera Mahkota
25990 KUANTAN
11. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang
Jalan Sri Kemunting 2
25100 KUANTAN
12. Pengelola Bijaya Diraja KDPB Sultan Pahang
Pejabat KDPB Sultan Pahang
26600 PEKAN
13. Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang
d/a : Tingkat 1, Bangunan Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan
Jalan Masjid
25000 KUANTAN
14. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang
Jalan Tanah Putih
25100 KUANTAN
15. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang
Tingkat Bawah, Blok C, Wisma Sri Pahang
25000 KUANTAN
16. Pengarah Mineral dan Geosains Negeri Pahang
Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang
Jalan IM 4/1
Bandar Indera Mahkota
25604 KUANTAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH

1. Pegawai Daerah Kuantan
Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan
Bandar Indera Mahkota
25990 KUANTAN
2. Pegawai Daerah Temerloh
Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Temerloh
28000 TEMERLOH
3. Pegawai Daerah Rompin
Pejabat Daerah dan Tanah Rompin
Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Daerah Rompin, Blok A
26800 KUALA ROMPIN
4. Pegawai Daerah Raub
Pejabat Daerah dan Tanah Raub
Jalan Tengku Abdul Samad
27600 RAUB
5. Pegawai Daerah Pekan
Pejabat Daerah dan Tanah Pekan
Jalan Sultan Abu Bakar
26600 PEKAN
6. Pegawai Daerah Jerantut
Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan
27000 JERANTUT
7. Pegawai Daerah Lipis
Pejabat Daerah dan Tanah Lipis
Bandar Baru Kuala Lipis
27200 LIPIS
8. Pegawai Daerah Bentong
Pejabat Daerah dan Tanah Bentong
Wisma Sri Bentong
28700 BENTONG
9. Pegawai Daerah Maran
Pejabat Daerah dan Tanah Maran
26500 MARAN

10. Pegawai Daerah Bera
Pejabat Daerah dan Tanah Bera
28200 BANDAR BERA

11. Pegawai Daerah Cameron Highlands
Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands
39000 TANAH RATA
CAMERON HIGHLANDS

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1. Datuk Bandar
Majlis Bandar Raya Kuantan
Jalan Tanah Putih
25100 KUANTAN
2. Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Temerloh
Aras 6 & 7, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh
28000 TEMERLOH
3. Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Bentong
Jalan Ketari
28700 BENTONG
4. Yang DiPertua
Majlis Daerah Rompin
26800 ROMPIN
5. Yang DiPertua
Majlis Daerah Jerantut
27000 JERANTUT
6. Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Pekan
Jalan Mahkota
26600 PEKAN
7. Yang DiPertua
Majlis Daerah Lipis
Kompleks Pejabat Kerajaan
27200 KUALA LIPIS
8. Yang DiPertua
Majlis Daerah Raub
27600 RAUB
9. Yang DiPertua
Majlis Daerah Maran
26500 MARAN
10. Yang DiPertua
Majlis Daerah Bera
28200 BANDAR BERA
11. Yang DiPertua
Majlis Daerah Cameron Highlands
No.1, Jalan Majlis
39000 TANAH RATA

BADAN BERKANUN NEGERI

1. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
Tingkat 16, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota
25000 KUANTAN
2. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang
Jalan Gambut
25990 KUANTAN
3. Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Pahang
Kompleks Yayasan Pahang
Tanjung Lumpur
26060 KUANTAN
4. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)
Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah
26600 PEKAN
5. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands
Pejabat PKCH
39000 TANAH RATA
6. Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang
Jalan Kemunting, Tanah Putih
25100 KUANTAN
7. Pengarah
Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Jalan Sultan Ahmad
26600 PEKAN
8. Pengurus
Perbadanan Stadium Darul Makmur
Tingkat 1, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 KUANTAN
9. Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser
No. 33 & 33A,
ICT Hub Indian Town
Jalan Putra Square 4
25200 KUANTAN

10. **Pengurus Besar**
Lembaga Pembangunan Tioman
No. 1, Jalan Besar Tg. Gemok 1
Teluk Gading
26820 KUALA ROMPIN

11. **Ketua Pegawai Eksekutif**
Pahang Mining Corporation Sdn Bhd
Tingkat 1, Lot A1 Sri Kuantan Square
Jalan Teluk Sisek
25000 KUANTAN

12. **Pengarah Eksekutif**
Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang,
(Pahang Skills Development Centre)
Kampus Pahang Skills, Taman Perindustrian Semambu
25350 KUANTAN



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

Rujukan : KPN.600-1/6 (1)

Tarikh : 20 September 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Dato' Indera/Datuk
Wira/Datuk/Dato'/ TS Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN PELAKSANAAN NYANYIAN LAGU NEGARAKU DAN
LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA DI SEMUA KEMENTERIAN DAN
AGENSI KERAJAAN**

Sukacitanya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Patriotisme dan taat setia kepada negara merupakan nilai yang seharusnya ada pada setiap penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memajukan negara dengan penuh dedikasi dan integriti agar perkhidmatan kepada rakyat dapat disampaikan dengan cekap dan berkesan.
3. Bagi tujuan tersebut, Lagu Negaraku dan Lafaz Ikrar Rukun Negara hendaklah dinyanyikan dan dilafazkan di semua Kementerian dan Agensi Kerajaan sekurang-kurangnya sekali pada setiap minggu bagi menyemarakkan semangat cintakan negara dalam kalangan penjawat awam.
4. Di samping itu, Lafaz Ikrar Rukun Negara hendaklah turut dilaksanakan semasa majlis rasmi Kerajaan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 25 Julai 2023. Pelaksanaannya adalah sebagaimana surat edaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara bertarikh 25 Ogos 2023.

5. Arahan ini adalah selaras dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam di bawah Bidang Keberhasilan Reformasi 1: Penghayatan Nilai dan Tatakelola yang perlu dihayati dan didukung oleh semua penjawat awam bagi menzahirkan taat setia kepada negara.

6. Pelaksanaan arahan ini terpakai kepada semua Ketua-ketua Jabatan di bawah Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan dan Setiausaha Kerajaan Negeri tertakluk kepada kesesuaian oleh pihak berkuasa masing-masing. Sebarang pertanyaan berhubung arahan ini boleh dirujuk kepada Kementerian Perpaduan Negara.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR)



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN NYANYIAN LAGU KEBANGSAAN (NEGARAKU) DAN LAFAZ PENUH IKRAR RUKUN NEGARA

1. Latar Belakang

- 1.1 Lagu Kebangsaan (Negaraku) merupakan lambang kebesaran negara selain daripada bendera yang melambangkan identiti dan jati diri negara. Ia merupakan simbol semangat patriotik yang perlu disemai, dihayati dan dicintai sepenuh jiwa dan raga dalam sanubari setiap rakyat Malaysia.
- 1.2 Rukun Negara merupakan satu deklarasasi yang menggariskan prinsip-prinsip utama sebagai landasan dan asas kepada perpaduan pelbagai kaum di Malaysia. Tanggungjawab semua rakyat termasuk penjawat awam adalah untuk menghayati maksud dan menterjemahkannya ke dalam amalan dan kehidupan seharian di samping memeliharanya demi kedaulatan negara.
- 1.3 Pelaksanaan nyanyian lagu Negaraku dan Ikrar Rukun Negara adalah salah satu usaha berterusan pihak Kerajaan untuk memupuk perpaduan di samping terus menyuburkan semangat patriotisme dan taat setia kepada negara dalam kalangan penjawat awam.

2. Tatacara Nyanyian Lagu Kebangsaan (Negaraku):

2.1 Kaedah Siaraya

- 2.1.1 Nyanyian lagu Negaraku **melalui siaraya** di premis Kerajaan masing-masing atau mana-mana tempat yang



bersesuaian menggunakan versi rasmi yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

2.1.2 Cadangan pelaksanaan ini **sekurang-kurangnya sekali** pada setiap minggu iaitu pada waktu pagi hari permulaan bekerja mengikut negeri. Sekiranya hari tersebut merupakan hari kelepasan am, maka ia boleh dilaksanakan pada hari bekerja berikutnya.

2.1.3 Bagi nyanyian lagu Negaraku melalui **siaraya, pengumuman hendaklah terlebih dahulu dibuat** agar semua penjawat awam dan orang awam yang turut berada di premis-premis Kerajaan berdiri sedia sebagai tanda hormat apabila lagu Negaraku dimainkan atau dinyanyikan.

2.1.4 Semua penjawat awam dan orang awam yang berada di premis berkenaan hendaklah berdiri sedia sebagai tanda hormat dan sama-sama menyanyikan dengan penuh semangat dan rasa hormat apabila lagu Negaraku dimainkan.

2.1.5 Dalam hal ini juga, lagu Negaraku tidak boleh digabungkan ke dalam mana-mana gubahan atau *medley* lain bagi menjaga maruahnyanya. Lagu Negaraku hendaklah dinyanyikan dalam lirik asal dan bukan dalam mana-mana terjemahan lirik seperti dikaitkan dengan kandungan yang merendahkan atau menyinggung perasaan mana-mana pihak.

2.2 Kaedah Bukan Siaraya

2.2.1 Mana-mana agensi Kerajaan yang berada di ruang komersial/swasta atau mana-mana tempat yang bukan premis Kerajaan, diberi kebenaran untuk melaksanakan



arahan ini melalui kaedah bukan siaraya mengikut kesesuaian agensi masing-masing.

2.2.2 Kaedah pelaksanaan ini tertakluk kepada arahan seperti di para 2.1.1 dan 2.1.4.

3. Tatacara Lafaz Ikrar Rukun Negara

3.1 Kaedah Siaraya

- 3.1.1 Lafaz Ikrar Rukun Negara hendaklah dilaksanakan sebaik sahaja nyanyian lagu Negaraku selesai dimain atau dinyanyikan.
- 3.1.2 Ikrar Rukun Negara hendaklah dilafazkan secara penuh bermula dari Mukadimah iaitu cita-cita yang ingin dicapai dan diikuti oleh lima (5) Prinsip Rukun Negara.
- 3.1.3 Pengumuman berhubung lafaz Ikrar Rukun Negara **boleh dibuat bersekali dengan pengumuman lagu Negaraku** agar semua penjawat awam dan orang awam yang berada di premis-premis Kerajaan sama-sama membaca lafaz Ikrar Rukun Negara sebagai terjemahan taat setia kepada negara.
- 3.1.4 Pelaksanaan lafaz Ikrar Rukun Negara hendaklah diketuai oleh seorang yang dilantik dan diikuti oleh panyawat awam yang lain. Perkataan “**UP**” hendaklah digantikan dengan perkataan “**Ikrar**” sebelum memulakan bacaan Prinsip Rukun Negara dan sebutan perkataan “**Terima Kasih**” selepas melafaz Prinsip Rukun Negara tersebut.
- 3.1.5 Tatacara lanjut pembacaan lafaz Ikrar Rukun Negara adalah seperti di **Lampiran 1**.

3.2 Kaedah Bukan Siaraya

3.2.1 Kaedah ini terpakai bagi mana-mana agensi Kerajaan yang berada di ruang komersial/swasta atau mana-mana tempat yang bukan premis Kerajaan di beri kebenaran untuk melaksanakan arahan ini melalui kaedah bukan siaraya yang mengikut kesesuaian agensi masing-masing.

3.2.2 Kaedah pelaksanaan ini tertakluk kepada arahan seperti di para 3.1.1, 3.1.2 dan 3.1.4.

3.3 Pelaksanaan Lafaz Ikrar Rukun Negara Dalam Majlis Rasmi Kerajaan

Arahan pelaksanaan lafaz Ikrar Rukun Negara semasa majlis rasmi Kerajaan adalah sebagaimana surat edaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara **bertarikh 25 Ogos 2023**.

4. Penutup

Pelaksanaan nyanyian Lagu Negaraku dan lafaz Ikrar Rukun Negara merupakan satu simbolik bagi menyemai dan memupuk nilai-nilai murni yang beridentitikan negara bangsa khususnya penjawat awam sebagai tonggak barisan hadapan negara. Ianya juga menjadi platform atau wadah bagi menanam semangat patriotisme dan taat setia penjawat awam kepada negara.

Lampiran 1

RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya

Memelihara satu cara hidup demokratik

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

A
Mukadimah (dilafaz oleh pembaca yang mengetuai bacaan Ikrar)

Sebutan perkataan "UP" diganti dengan "Ikrar" (oleh pembaca yang mengetuai bacaan Ikrar)

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

B
Prinsip (dilafaz oleh pembaca yang mengetuai bacaan Ikrar dan diikuti oleh yang lain)

Sebutan perkataan "UP" diganti dengan "Terima Kasih" (oleh pembaca yang mengetuai bacaan Ikrar)